

# Tumpuan usaha elak wabak demam tifoid

**MELAKA 26 Nov.** - Kementerian Kesihatan sedang memberi tumpuan terhadap usaha mengekang wabak demam tifoid daripada merebak.

Menurutnya, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, ia ekoran terdapat sebanyak sembilan kes wabak berkenaan dilaporkan berlaku di Sarawak sejak 2 November lalu.

Menurutnya, kementerian juga mengambil beberapa tindakan awal termasuk pemeriksaan dan rawatan lanjut terhadap pesakit, mengenalpasti punca serta kes baharu yang berkaitan.

“Langkah-langkah pencegahan juga telah dilaksanakan dan kita akan memberi tumpuan agar wabak berbahaya ini tidak merebak kepada orang lain,” katanya selepas majlis Pelancaran Buku Melaka Chitties di Dewan Komuniti Kampung Chetti Melaka, Gajah Berang, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengurus MIC Melaka, Datuk M. S. Mahadevan dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohamad Roslan Sulaiman.

Subramaniam berkata, wabak demam tifoid biasanya berlaku disebabkan faktor pencemaran.

“Sehubungan itu, kita minta orang ramai sentiasa peka terhadap aspek kebersihan air dan makanan,” katanya.

Mengenai buku yang dihasilkan pengkaji sejarah,

K. Naraysamy dengan kerjasama Pensyarah UPM, Prof. Dr. M.

Paramasivam itu, beliau berkata, ia satu langkah baik bagi memberi maklumat mengenai sejarah kaum

Hindu Peranakan di Melaka.

“Uniknya kaum Chetti ini hanya terdapat di

Melaka dan segala sejarah, keunikan budaya dan

identitinya penting untuk

terus dipelihara demi

kelangsungannya pada masa depan,” katanya.